

Abdul Khalid Dipecat Daripada PKR
Bernama
August 9, 2014

PETALING JAYA, 9 Ogos (Bernama) -- Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim hari ini dipecat daripada Parti Keadilan Rakyat (PKR).

Keputusan itu dibuat oleh Mesyuarat Majlis Pimpinan Pusat (MPP) PKR yang berkuat kuasa serta-merta.

Pengerusi Lembaga Disiplin PKR Datuk Dr Tan Kee Kwong berkata keputusan sebulat suara oleh semua anggota MPP itu dibuat berdasarkan tindakan Abdul Khalid mengingkari arahan parti untuk meletakkan jawatan bagi memberi laluan kepada Presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail untuk menjadi Menteri Besar Selangor yang baharu.

Tan berkata selain itu, Abdul Khalid juga telah ingkar beberapa keputusan yang dibuat Majlis Presiden Pakatan Rakyat.

Mengulas lanjut, Tan berkata Abdul Khalid didapati mengingkari keputusan MPP yang bermesyuarat pada 21 Julai lepas, yang sebulat suara memilih Dr Wan Azizah sebagai calon Menteri Besar Selangor.

"Beliau telah membuat kenyataan media pada 22 Julai 2014 yang menyatakan keengganan beliau meletakkan jawatan itu dan sehingga hari ini, beliau terus enggan melepaskan jawatan tersebut. Atas alasan ini sahajapun, Lembaga Disiplin berpendapat beliau wajar dipecat," katanya pada sidang media di ibu pejabat PKR di sini hari ini.

Tan, yang juga Anggota Parlimen Wangsa Maju, juga berkata antara keputusan Majlis Presiden Pakatan Rakyat yang diingkari Abdul Khalid ialah menangguhkan proses dan perbincangan projek Langat 2 serta kenaikan elaun Speaker, Menteri Besar, Exco dan Anggota Dewan Undangan Negeri (ADUN) Selangor.

"Beliau turut gagal mematuhi keputusan Majlis Presiden PR yang dipersetujui beliau sendiri untuk melibatkan Jawatankuasa Penstrukturan Air Selangor dalam isu penstrukturan aset air Selangor.

"Beliau turut berkeras untuk meneruskan projek Lebuhraya Kidex walaupun parti sudah mengarahkan beliau untuk mengkaji semula projek itu kerana bertentangan dengan matlamat dan manifesto PR yang dibentangkan sewaktu pilihan raya umum lalu," katanya.

Tan berkata Abdul Khalid diberi tempoh 14 hari mulai hari ini untuk memfailkan rayuan jika merasakan pemecatan itu tidak wajar dan beliau dinafikan keadilan.

"Jika Abdul Khalid membuat rayuan, MPP akan menubuhkan satu jawatankuasa berasingan bagi mendengar kes ini," katanya.

Pada sidang media sama, Setiausaha Agung PKR Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata keputusan itu berdasarkan tingkah laku Abdul Khalid yang disifatkan beliau sebagai 'open defiance' atau menunjukkan keingkaran secara terbuka.

Saifuddin berkata berdasarkan Undang-undang Tubuh Negeri Selangor 1959, Abdul Khalid masih lagi Menteri Besar yang sah namun menganggap beliau tidak lagi mempunyai sokongan majoriti berdasarkan faktor DAP dan PKR sudahpun membuat keputusan untuk tidak menyokong Abdul Khalid.

"Kena faham, dari segi undang-undang tubuh negeri, adalah memang jelas beliau tidak ada majoriti lagi di DUN... kenapa?"

"Sebab beliau sudah dipecat dari parti, dan PKR beserta DAP sudah menarik sokongan terhadap beliau. Abdul Khalid tidak lagi mempunyai majoriti sokongan ADUN Selangor, dan sebab itu tidak memenuhi syarat untuk terus memegang jawatan MB," katanya.

Oleh itu, beliau berkata PKR akan membentangkan usul undi tidak percaya terhadap Abdul Khalid dalam Dewan Undangan Negeri bertujuan menyingkirkannya daripada jawatan berkenaan secara sah.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1059140>